

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting mengenai kad debit anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga. ([English Version](#))**

Tarikh: _____

① Apakah itu Kad Debit Hong Leong?

Kad Debit Hong Leong ("**Kad Debit**") ialah satu instrumen pembayaran yang membolehkan anda untuk membuat bayaran bagi barangan dan perkhidmatan daripada akaun deposit anda di saluran runcit dan perkhidmatan yang mengambil bahagian melalui rangkaian VISA, Mastercard atau MEPS. Kad Debit juga membolehkan anda mengeluarkan wang tunai di Mesin Juruwang Automatik (**ATM**).

Anda mesti mempunyai akaun deposit dengan Hong Leong Bank (**HLB**), untuk dipautkan kepada Kad Debit anda. Sekiranya anda menutup akaun deposit HLB anda, anda tidak akan dapat melakukan sebarang transaksi dengan menggunakan Kad Debit anda.

② Ketahui Kewajipan Anda

Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk membaca terma penting ini:

1. Anda mesti:

- membaca dan mematuhi terma dan syarat penggunaan Kad Debit.
- mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan keselamatan Kad Debit dan PIN pada setiap masa, termasuk di kediaman anda dengan cara:
 - tidak mendedahkan butiran Kad Debit atau PIN kepada mana-mana individu lain;
 - tidak mencatat PIN di atas Kad Debit atau pada apa-apa yang disimpan berdekatan dengan kad;
 - tidak menggunakan PIN/kata laluan yang dipilih daripada tarikh lahir, kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor telefon anda; dan
 - tidak membenarkan mana-mana individu lain untuk menggunakan Kad Debit dan PIN anda.
- memaklumkan kepada HLB secepat mungkin setelah menyedari bahawa Kad Debit hilang, dicuri, transaksi tanpa kebenaran telah berlaku atau PIN mungkin telah dikompromi.
- memaklumkan kepada HLB dengan segera apabila menerima Notifikasi melalui Aplikasi HLB Connect atau amaran transaksi melalui Khidmat Pesanan Ringkas ("**SMS**") jika transaksi tersebut adalah tanpa kebenaran.
- memaklumkan kepada HLB dengan segera mengenai sebarang perubahan pada nombor telefon dan/atau butiran peribadi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
- menggunakan Kad Debit dengan penuh tanggungjawab, termasuk tidak menggunakan Kad Debit untuk apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang.
- menyemak penyata akaun dan melaporkan sebarang percanggahan tanpa berlengah.
- memastikan semua transaksi kad (termasuk transaksi luar negara) mematuhi Notis Dasar Pertukaran Asing ("**Notis FEP**") Bank Negara Malaysia ("**BNM**"). Anda disarankan untuk membaca dan memahami Notis FEP di laman web BNM di www.bnm.gov.my/fep untuk memastikan semua aktiviti yang dilakukan menggunakan Kad Debit mematuhi Notis FEP pada setiap masa.

2. Fungsi Tanpa Sentuhan:

• Had Transaksi Tanpa Sentuhan

Transaksi tanpa sentuhan tanpa pengesahan PIN dihadkan kepada RM250 setiap transaksi ("**Had Transaksi Tanpa Sentuhan**"). Tiada pengesahan PIN diperlukan bagi transaksi tanpa sentuh yang bernilai RM250 dan ke bawah. Jika transaksi tanpa sentuh anda melebihi Had Transaksi Tanpa Sentuh, anda mesti membuat pengesahan menggunakan kaedah berikut:

- Transaksi tanpa sentuh (Pembayaran kad tanpa sentuh dan Dompot Mudah Alih kecuali Apple Pay): Pengesahan PIN.
- Transaksi tanpa sentuh (Menggunakan Apple Pay): Mekanisme pengesahan peranti Apple yang layak, tertakluk kepada terma dan syarat Apple Pay yang berkenaan.

• Had Kumulatif Harian Tanpa Sentuhan

Jumlah kumulatif transaksi tanpa sentuhan tanpa pengesahan PIN dihadkan pada RM800 setiap hari atau had lain yang mungkin anda tetapkan ("**Had Kumulatif Harian Tanpa Sentuhan**"). Untuk keselamatan tambahan, sebarang transaksi tanpa sentuhan tanpa pengesahan PIN yang melebihi Had Kumulatif Harian Tanpa Sentuhan akan dibatalkan. Jika transaksi tanpa sentuh anda melebihi Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan, anda mesti membuat pengesahan menggunakan kaedah berikut:

- Transaksi tanpa sentuh (Pembayaran kad tanpa sentuh dan Dompot Mudah Alih kecuali Apple Pay): Pengesahan PIN.
- Transaksi tanpa sentuh (Menggunakan Apple Pay): Mekanisme pengesahan peranti Apple yang layak, tertakluk kepada terma dan syarat Apple Pay yang berkenaan.

Anda akan diminta untuk melakukan transaksi dengan pengesahan PIN di terminal Tempat Jualan (POS) untuk meresetkan Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan anda. Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan anda akan diresetkan secara automatik setiap hari dan setaip kali anda melakukan transaksi dengan pengesahan PIN.

Yuran & Caj	Jumlah
Yuran Tahunan Akaun Simpanan/Akaun Semasa selain daripada Akaun Simpanan Asas/Semasa Asas ("BSA/ BCA")	RM8 setiap kad
Yuran Pengeluaran - BSA/BCA - Akaun Simpanan/Akaun Semasa	Tiada Yuran RM8 setiap kad
Yuran Penggantian Kad - BSA/ BCA - Akaun Simpanan/Akaun Semasa	RM12 setiap kad RM18 setiap kad



Imbas kod QR untuk senarai Penuh Yuran & Caj

③ Ketahui Risiko Anda

- Anda akan bertanggungjawab untuk transaksi tanpa kebenaran berasaskan PIN sekiranya anda:**
 - melakukan penipuan;
 - lewat memaklumkan kepada HLB secepat mungkin selepas menyedari kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran Kad Debit anda;
 - mendedahkan PIN anda kepada orang lain secara sukarela; atau
 - mencatat PIN anda pada Kad Debit, atau pada apa-apa yang disimpan berdekatan dengan Kad Debit anda.
- Anda akan bertanggungjawab untuk transaksi tanpa kebenaran yang memerlukan pengesahan tandatangan atau menggunakan kad tanpa sentuhan, sekiranya anda:**
 - melakukan penipuan;
 - lewat memaklumkan kepada HLB secepat mungkin selepas menyedari kehilangan, kecurian atau penggunaan tanpa kebenaran Kad Debit anda;
 - meninggalkan Kad Debit anda atau item yang mengandungi Kad Debit anda, tanpa pengawasan di tempat yang boleh dilihat dan boleh diakses oleh orang lain;
 - membenarkan orang lain menggunakan Kad Debit anda secara sukarela;
 - enggan bekerjasama dengan HLB dalam siasatan; atau
 - gagal melaksanakan kewajipan berikut seperti yang dimaklumkan oleh HLB:
 - tidak mendedahkan kelayakan perbankan anda seperti identiti akses (ID) dan kod laluan kepada pihak ketiga;
 - mengambil langkah munasabah untuk memastikan peranti keselamatan anda sentiasa selamat; atau
 - melaporkan sebarang pelanggaran keselamatan terhadap kelayakan perbankan anda atau kehilangan peranti keselamatan kepada HLB sebaik sahaja Pemegang Kad menyedari pelanggaran atau kehilangan tersebut.
- Anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk semua transaksi ATM tanpa kebenaran.**

④ Syarat Utama Lain

- Jika diperlukan oleh Peniaga Sah dan tertakluk pada dana yang tersedia dalam akaun anda, jumlah pra-kebenaran berikut akan dikenakan kepada Akaun Pembelian Runcit yang dipautkan dengan Kad Debit anda:
 - RM200 sehingga 3 hari bekerja bagi pembayaran untuk pembelian petrol di pam minyak automatik;
 - Jumlah yang ditetapkan oleh Pedagang Sah dan dipersetujui oleh anda untuk sebarang pembayaran selain daripada pembelian petrol di pam minyak automatik.
- Jumlah pra-kebenaran tersebut akan dibatalkan dan amaun transaksi sebenar akan dicaj ke Akaun Pembelian Runcit anda setelah penyelesaian dibuat oleh peniaga dalam tempoh dua puluh satu (21) hari atau tempoh lain seperti yang dimaklumkan oleh HLB.
- Untuk pembelian petrol, anda boleh memilih untuk membuat pembayaran menggunakan Kad Debit anda di kaunter juruwang stesen minyak bagi mengelakkan penahanan amaun pra-kebenaran tersebut.
- Kad Debit secara automatik diaktifkan untuk membayar transaksi berkaitan tol dengan mengetiknya pada terminal pembayaran.
- Pemegang Kad bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Akaun Pembelian Runcit Pemegang Kad mempunyai baki yang mencukupi sebelum membuat sebarang transaksi berkaitan tol.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai Kad Debit, anda boleh:



Hubungi kami di
03-7626 8899



Layari kami di
www.hlb.com.my/dc



Emel kami di
hlonline@hlbb.hongleong.com.my



Imbas kod QR untuk maklumat lanjut